

LAMPIRAN KETERANGAN PRODUK

Prudential BSN Takaful Berhad
BSN Takaful Sakinah Plus
(ini adalah produk takaful)
Februari 2025

1. Apakah produk ini?

BSN Takaful Sakinah Plus adalah suatu pelan takaful berkumpulan berpatutan yang boleh diperbaharui setiap tahun di mana Bank Simpanan Nasional (BSN) adalah Pemegang Sijil Induk kepada pelan ini. Ahli yang Dilindungi untuk pelan ini adalah pelanggan-pelanggan BSN yang berumur di antara 19 hingga 60 tahun pada tarikh lahir akan datang.

Pelan ini memberi perlindungan untuk Kematian secara Semulajadi dan Kematian akibat Kemalangan. Jika Kematian akibat Kemalangan berlaku Semasa Musim Perayaan atau Semasa Menunaikan *Haji* atau *Umrah*, pelan ini akan memberikan perlindungan yang lebih tinggi. Pelan ini juga disertakan dengan Manfaat *Khairat* dan Rebah Sumbangan sebanyak 10% daripada Sumbangan Tahunan Asal selepas pembaharuan sijil dengan pelan yang sama pada akhir Tempoh Perlindungan. Pelan ini menawarkan perlindungan dalam tempoh 12 bulan dari Tarikh Berkuat kuasa Ahli yang Dilindungi.

BSN Takaful Sakinah Plus adalah suatu produk patuh Syariah.

2. Apakah konsep Syariah yang berkenaan?

• *Ta`awun*:

Persetujuan untuk saling membantu berdasarkan prinsip kesamarataan dan kesatuan yang melibatkan kepentingan dan manfaat bersama. Takaful adalah berdasarkan konsep *Ta`awun* seperti yang ditakrifkan di bawah Seksyen 2 Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 yang bermaksud suatu persetujuan yang berdasarkan kepada pertolongan bersama di mana peserta-peserta takaful bersetuju untuk menyumbang ke dalam suatu dana yang akan memberi manfaat kewangan yang akan dibayar kepada peserta-peserta takaful atau kepada waris mereka sekiranya berlaku perkara-perkara yang telah dipersetujui terlebih dahulu. Sumbangan yang akan dimasukkan dan dikumpulkan ke dalam dana bersama iaitu Dana *Tabarru`* adalah *Tabarru`at* (kebajikan) secara alami.

• *Wakalah bi al-ujrah*:

Persetujuan di mana PruBSN dilantik untuk menguruskan perkhidmatan keseluruhan yang disediakan di bawah sijil anda. Kami akan mengambil sebahagian daripada sumbangan anda sebagai upah untuk perkhidmatan ini, yang mana termasuk komisen dan caj berkaitan pengagihan. Selain daripada Caj-caj *Wakalah*, PruBSN juga layak menerima yuran prestasi di atas lebihan yang boleh diagihkan daripada Dana *Tabarru`*.

3. Apakah perlindungan/manfaat yang disediakan?

• **Manfaat Kematian**

Suatu amaun sekaligus akan dibayar sekiranya Ahli yang Dilindungi meninggal dunia secara semulajadi atau kemalangan semasa Tempoh Perlindungan. Perlindungan di bawah pelan ini akan ditamatkan apabila salah satu daripada manfaat di bawah sijil takaful ini telah dibayar.

• **Manfaat *Khairat***

Suatu amaun sekaligus sehingga RM 3,500 bergantung kepada jenis pelan akan dibayar sekiranya Ahli yang Dilindungi meninggal dunia secara bukan akibat kemalangan atau kemalangan semasa Tempoh Perlindungan. Manfaat ini adalah untuk menampung perbelanjaan pengebumian Ahli yang Dilindungi.

- Rebat Sumbangan**

Sekiranya Ahli yang Dilindungi memperbaharui sijil dengan pelan yang sama pada akhir Tempoh Perlindungan, Ahli yang Dilindungi akan menerima diskauan segera sebanyak 10% daripada Sumbangan Tahunan Asal.

Pelan ini menawarkan manfaat-manfaat berikut berdasarkan pelan yang dipilih:

Manfaat-Manfaat	Pilihan Pelan			
	Pelan 1	Pelan 2	Pelan 3	Pelan 4
	Ringgit Malaysia (RM)			
Manfaat Kematian bukan akibat Kemalangan*	10,000	15,000	20,000	30,000
Manfaat Kematian akibat Kemalangan	20,000	30,000	40,000	60,000
Manfaat Kematian akibat Kemalangan (Semasa Musim Perayaan atau Semasa Menunaikan <i>Haji</i> atau <i>Umrah</i>)	30,000	45,000	60,000	90,000
Manfaat <i>Khairat</i>	1,500	1,700	2,500	3,500
Rebat Sumbangan	Diskaun serta-merta sebanyak 10% daripada Sumbangan Tahunan Asal semasa pembaharuan sijil dengan pelan yang sama			

*Tertakluk kepada tempoh menunggu 4 bulan daripada Tarikh Berkuat kuasa Ahli yang Dilindungi.

Nota:

- Hanya satu daripada manfaat di bawah akan dibayar apabila berlaku salah satu daripada peristiwa berikut:
 - Kematian secara bukan akibat Kemalangan; atau
 - Kematian akibat Kemalangan; atau
 - Kematian akibat Kemalangan Semasa Musim Perayaan; atau
 - Kematian akibat Kemalangan Semasa Menunaikan *Haji* atau *Umrah* yang mana yang lebih tinggi.
- Musim Perayaan adalah merujuk kepada perayaan-perayaan berikut:
 - Hari Pertama dan Kedua Hari Raya Aidilfitri;
 - Hari Pertama dan Kedua Tahun Baru Cina;
 - Hari Pertama Deepavali;
 - Hari Pertama Krismas;
 - Hari Pertama dan Kedua Hari Gawai;
 - Hari Pertama dan Kedua Pesta Kaamatan; dan
 - 2 hari sebelum dan selepas perayaan yang disebutkan di atas.
- Manfaat Kematian Akibat Kemalangan Semasa Menunaikan *Haji* atau *Umrah* adalah tertakluk kepada syarat-syarat berikut:
 - Tempoh perlindungan akan menjadi tempoh sebenar perjalanan sehingga 45 hari untuk *Haji* dan 15 hari untuk *Umrah*.

- Perlindungan bermula apabila Ahli yang Dilindungi melepas imigresen ke Arab Saudi dan berakhir apabila Ahli yang Dilindungi melepas imigresen di destinasi di mana Ahli yang Dilindungi bertolak dari Arab Saudi.

Contoh:

Perjalanan Daripada	Perjalanan Ke	Perlindungan
Kuala Lumpur	Saudi Arabia	Perlindungan bermula apabila melepas imigresen Malaysia
Saudi Arabia	Kuala Lumpur	Perlindungan berakhir apabila melepas imigresen Malaysia

- Manfaat ini akan diberi untuk tujuan *Haji* atau *Umrah* sahaja. Manfaat ini tidak akan memberikan perlindungan semasa Ziarah ataupun pelancongan, sekiranya Ahli yang Dilindungi menunaikan Ziarah ataupun melancong keluar dari Arab Saudi semasa tempoh *Haji* atau *Umrah*.

Ini adalah pelan yang boleh diperbaharui secara automatik setiap tahun sehingga umur 60 tahun (umur tamat maksimum adalah umur 61 tahun).

4. Berapakah sumbangan yang harus dibayar?

Sumbangan tahunan bagi pelan ini akan dibayar oleh Ahli yang Dilindungi melalui Pemegang Sijil Induk mengikut jenis pelan yang dipilih seperti jadual di bawah.

Pilihan Pelan	Pelan 1	Pelan 2	Pelan 3	Pelan 4
Sumbangan Tahunan Asal	RM 65	RM 95	RM 130	RM 190

Nota: PruBSN boleh mengubah jumlah sumbangan, kadar penolakan *Tabarru`* dan/atau Caj *Wakalah Pendahuluan* dengan memberi pemberitahuan selama tiga puluh (30) hari terlebih dahulu kepada Pemegang Sijil Induk dan Ahli yang Dilindungi. Perubahan kepada jumlah sumbangan, kadar penolakan *Tabarru`* dan/atau Caj *Wakalah Pendahuluan* akan berkuat kuasa dari Tarikh Pembaharuan Sijil Tahunan yang berikutnya.

5. Apakah yuran dan caj-caj yang harus dibayar?

Yuran dan caj-caj bagi pelan ini akan dibayar oleh Ahli yang Dilindungi.

- Caj *Wakalah Pendahuluan* – 35% daripada setiap sumbangan yang dibayar termasuk 10% daripadanya ialah untuk komisen yang dibayar kepada bank.

Jenis Pelan	Pelan 1	Pelan 2	Pelan 3	Pelan 4
Sumbangan Tahunan Asal	RM 65.00	RM 95.00	RM 130.00	RM 190.00
Komisen	RM 6.50	RM 9.50	RM 13.00	RM 19.00

- Selepas pembaharuan, 10% daripada Sumbangan Tahunan Asal akan dikecualikan oleh PruBSN daripada Caj *Wakalah Pendahuluan*.

6. Apakah terma dan syarat utama yang perlu diketahui?

- **Kepentingan pendedahan** – Ahli yang Dilindungi mesti mendedahkan semua fakta material dan nyatakan umur dengan betul.
- **Tempoh rujukan percuma** – Ahli yang Dilindungi boleh membatalkan perlindungan takaful dengan memaklumkan secara terus kepada PruBSN dan menyertakan butiran pengenalan peribadi dalam tempoh 15 hari dari Tarikh Berkuat kuasa Ahli yang Dilindungi. PruBSN akan memulangkan sumbangan yang dibayar untuk perlindungan takaful yang berkenaan dengan Ahli yang Dilindungi.

- **Penamaan** – Ahli yang Dilindungi dinasihatkan supaya menamakan penama(-penama) untuk sijil takaful bagi memastikan penyelesaian tuntutan yang lancar. Ahli yang Dilindungi juga perlu memastikan bahawa penama(-penama) mengetahui tentang sijil yang ditawarkan kepada Ahli yang Dilindungi.
- **Tempoh Menunggu** – Kelayakan untuk Manfaat Kematian bukan akibat Kemalangan hanya akan bermula selepas empat (4) bulan dari Tarikh Berkuat kuasa Ahli yang Dilindungi.
- **Tempoh Tangguh** – Ahli yang Dilindungi diberikan tempoh tangguh selama 30 hari selepas tarikh tamat tempoh untuk pembayaran sumbangan. Sijil takaful akan terus Berkuat kuasa semasa tempoh tangguh. Sekiranya Ahli yang Dilindungi tidak membayar sumbangan semasa tempoh tangguh, sijil takaful akan ditamatkan.
- **Pembaharuan** – Sijil takaful bagi Ahli yang Dilindungi akan diperbaharui secara automatik pada Tarikh Pembaharuan Sijil Tahunan Ahli yang Dilindungi.
- **Tuntutan** – Sila merujuk kepada Ringkasan Sijil Induk atau Soalan Lazim (FAQ) untuk memahami lebih lanjut mengenai prosedur tuntutan.

Nota: Senarai ini adalah tidak lengkap. Sila rujuk kepada Maklumat Ringkasan Sijil Induk untuk senarai penuh terma-terma dan syarat-syarat bawah pelan ini.

7. Apakah pengecualian- pengecualian utama di bawah pelan ini?

Manfaat Kematian bukan akibat Kemalangan

PruBSN tidak akan membayar Manfaat Kematian bukan akibat Kemalangan sekiranya:

- (a) kematian Ahli yang Dilindungi disebabkan oleh perbuatan membunuh diri sama ada semasa waras atau tidak waras dalam tempoh 12 bulan dari Tarikh Berkuat kuasa Ahli yang Dilindungi atau tarikh pengendorsan; atau
- (b) Ahli yang Dilindungi meninggal dunia secara bukan akibat kemalangan dalam tempoh 4 bulan Tempoh Menunggu dari Tarikh Berkuat kuasa Ahli yang Dilindungi.

Manfaat Kematian akibat Kemalangan, Manfaat Kematian akibat Kemalangan Semasa Tempoh Perayaan dan Kematian akibat Kemalangan Semasa Menunaikan Haji atau Umrah

PruBSN tidak akan membayar Manfaat Kematian akibat Kemalangan, Manfaat Kematian akibat Kemalangan Semasa Musim Perayaan dan Manfaat Kematian akibat Kemalangan Semasa Menunaikan *Haji* atau *Umrah* jika ketika waktu kematian, mana-mana kejadian berikut yang melibatkan Ahli yang Dilindungi berlaku:

- a) mengambil dadah atau narkotik selain daripada yang ditetapkan untuk perubatan oleh Doktor atau Pakar Perubatan;
- b) pengaruh atau penyalahgunaan dadah atau narkotik atau alkohol atau penyalahgunaan stimulator;
- c) kemabukan dadah atau narkotik atau alkohol; atau
- d) memandu kenderaan atau menunggang motosikal di bawah umur minimum yang dibenarkan di bawah undang-undang yang berkenaan, atau memandu atau menunggang tanpa lesen memandu yang sah yang tidak mematuhi undang-undang dan peraturan yang berkenaan.

PruBSN tidak akan membayar Manfaat Kematian akibat Kemalangan, Manfaat Kematian akibat Kemalangan Semasa Musim Perayaan dan Manfaat Kematian akibat Kemalangan Semasa Menunaikan *Haji* atau *Umrah* sekiranya kematian Ahli yang Dilindungi secara langsung atau tidak langsung disebabkan oleh salah satu (1) daripada yang tersebut:

- a) peperangan atau sebarang tindakan peperangan atau penaklukan atau tindakan keganasan musuh luar (sama ada perang diisyiharkan atau tidak) atau perang saudara atau pemberontakan atau revolusi, kebangkitan kuasa atau ketenteraan atau rampasan kuasa, pengambilan bahagian secara langsung dalam rusuhan, mogok atau kekacauan awam;
- b) mana-mana pelanggaran atau cubaan melanggar undang-undang atau menentang penahanan;

- c) percubaan melakukan kesalahan jenayah atau aktiviti pengganas atau melakukan apa-apa kesalahan jenayah atau aktiviti pengganas;
- d) bunuh diri, percubaan membunuh diri atau kecederaan yang dilakukan sendiri ke atas diri semasa waras atau tidak waras;
- e) kehamilan, kehamilan sekarang dan sebelumnya (dan komplikasi berkaitan), melahirkan anak (termasuk kelahiran secara pembedahan dan apa juga pembedahan atau prosedur bukan pembedahan ke atas sistem peranakan wanita ketika pembedahan untuk kelahiran), keguguran, menggugurkan kandungan dan jagaan serta pembedahan pranatal atau postnatum, kaedah kawalan kelahiran kontraseptif mekanikal atau kimia, rawatan berkaitan ketaksuburan termasuk disfungsi erektil dan ujian atau rawatan berkaitan impoten atau pensterilan;
- f) penglibatan atau mengambil bahagian dalam aktiviti sukan profesional, penyelaman skuba, sebarang jenis perlumbaan, penerbangan udara selain daripada sebagai anak kapal atau sebagai penumpang yang membayar tambang, di atas kapal terbang komersial berlesen yang membawa penumpang dan beroperasi secara berjadual mengikut laluan biasa, atau sebarang aktiviti atau sukan merbahaya (termasuk penerjunan lelabah, geluncur angin, menaiki belon panas, penerjunan payung terjun dan penerjunan udara), melainkan Kami memberi persetujuan melalui endorsan khas; atau
- g) apa-apa bentuk sakit atau penyakit disebabkan oleh sebab-sebab yang tidak disengajakan.

8. Bolehkah perlindungan di bawah pelan ini dibatalkan?

Pemegang Sijil Induk dan Ahli yang Dilindungi boleh membatalkan perlindungan di bawah pelan ini dengan memberi notis bertulis kepada PruBSN. PruBSN boleh menamatkan pelan dengan memberi pemberitahuan selama tiga puluh (30) hari sebelum tarikh tamat tempoh sijil.

Walau bagaimanapun, sebarang permohonan untuk pembatalan dalam Tempoh Perlindungan akan dianggap sebagai pengesahan untuk tidak memperbaharui sijil pada tamat tempoh tahunan. PruBSN akan terus memberikan perlindungan sehingga tamat tempoh sijil.

9. Apa yang perlu dilakukan sekiranya terdapat perubahan pada alamat surat-menyurat?

Adalah penting untuk Ahli yang Dilindungi memaklumkan kepada PruBSN sekiranya terdapat sebarang perubahan pada alamat surat-menyurat bagi memastikan segala surat-menyurat akan sampai tepat pada waktunya.

10. Di manakah untuk mendapatkan maklumat lanjut?

Sekiranya Ahli yang Dilindungi memerlukan maklumat lanjut mengenai takaful keluarga atau inisiatif Perlindungan Tenang, sila lawati www.mycoverage.my atau hubungi PruBSN di:

Prudential BSN Takaful Berhad 200601020898 (740651-H)

Aras 13, Menara Prudential,
Persiaran TRX Barat,
55188 Tun Razak Exchange,
Kuala Lumpur.

Tel: **03 2775 7188** E-mel: customer@prubsn.com.my

Ahli yang Dilindungi juga boleh lawati laman web kami di www.prubsn.com.my.

Prudential BSN Takaful Berhad adalah Pengendali Takaful yang berdaftar di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

11. Lain-lain perlindungan takaful keluarga yang ditawarkan:

Sila hubungi wakil PruBSN untuk mengetahui mengenai jenis-jenis perlindungan takaful lain yang ditawarkan:

NOTA PENTING:

ANDA HARUS MEMBACA DAN MEMAHAMI SEPENUHNYA SEMUA MAKLUMAT MENGENAI MANFAAT MANFAAT DAN TERMA-TERMA YANG TERKANDUNG DI DALAM LAMPIRAN KETERANGAN PRODUK INI. ANDA BOLEH MENGHUBUNGI TERUS WAKIL PRUBSN SEKIRANYA ANDA INGINKAN MAKLUMAT LANJUT.

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah sijil yang layak adalah dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (“PIDM”) sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans (“TIPS”) PIDM atau hubungi Prudential BSN Takaful Berhad atau PIDM (lajari www.pidm.gov.my).

Maklumat yang dibekalkan di dalam lampiran keterangan ini adalah sah pada Februari 2025.

Disediakan oleh: Prudential BSN Takaful Berhad

Tarikh: Februari 2025

Versi: BSN Takaful Sakinah Plus